

# Simpanan lebih RM500,000 lesap kerana pelaburan tak wujud

**SEREMBAN** – Seorang peniaga berputih mata apabila kerugian RM583,555 akibat terjerat skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan yang besar.

Mangsa yang berusia 35 tahun menerima kiriman mesej menerusi aplikasi WhatsApp daripada nombor yang tidak dikenali yang menawarkan pelaburan

tersebut ketika berada di rumahnya di Bukit Pelandok, Port Dickson dekat sini pada 14 Februari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Aibee Ab. Ghani berkata, mangsa kemudian melayari aplikasi yang disertakan dan bersetuju untuk melabur.

“Mangsa membuat sebanyak 52 transaksi pemindahan wang yang kesemuanya berjumlah RM583,555 ke dalam 13 akaun yang berbeza.

“Kesemua transaksi tersebut dilakukan sejak 15 Februari lalu hingga 23 April lepas,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Menurut Aibee, pada 25 Mei lalu, mangsa mendapati WhatsAppnya disekat oleh suspek.

Siasatan awal mendapati mangsa menggunakan wang simpanannya sewaktu bekerja sebagai penasihat jualan dan hasil keuntungan berniaga makanan secara dalam talian untuk menyertai pelaburan tidak

wujud tersebut.

Mangsa yang berasa tertipu membuat laporan di Balai Polis Bukit Pelandok kelmarin.

“Semakan mendapati nombor telefon yang digunakan suspek tidak mempunyai rekod kes penipuan,” katanya yang memberitahu kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kapun Kesyeksaan.